

MENYINGKAP TEMPURUNG ORANG MELAYU: *SEJARAH MELAYU*, BUKU TEKS DAN ABDULLAH MUNSYI

(Lifting the Coconut Shell Covering the Malays: Sejarah Melayu, Text Books and Abdullah Munsyi)

Jan van der Putten

Jan.Van.der.Putten@uni-hamburg.de

Room 230, Universitat Hamburg,
Asien-Afrika-Institut,
Department of Languages and Cultures of Southeast Asia,
Edmund-Siemers-Allee 1, East Wing,
D-20146 Hamburg, Germany.

Abstrak

Kertas kerja ini ditulis bagi memperingati kelahiran yang ke-70 Sasterawan Negara, Muhammad Haji Salleh. Saya menyusuri perkembangan edisi cetakan teks *Sulalatus Salatin* yang pernah diterbitkan di Asia Tenggara serta Eropah dengan menghujahkan dalil bahawa perubahan teks tidak timbul dalam teks yang telah dicetak. Edisi pertama yang dicetak, disunting oleh Abdullah Kadir Munsyi dengan kerjasama mubaligh Kristian dari Amerika Syarikat, Alfred North di Singapura. Pendahuluan dalam edisi cetakan tersebut dipetik daripada teks *Sejarah Melayu* yang dijadikan buku teks sekolah yang diusahakan pada masa yang sama. Makalah ini mengkaji dampak karya Abdullah di dunia Melayu dan “nasib” teks buku sekolah ini serta meninjau proses penyuntingan yang dilakukan oleh pentadbir kolonial.

Kata kunci: *Sejarah Melayu*, Abdullah Munsyi, proses penyuntingan, pentadbir kolonial

Abstracts

This paper was written in honour of the Malaysian poet laureate Muhammad Haji Salleh on his 70th birthday. It traces the development of the printed editions

of the Sulalatus Salatin published in Southeast Asia and Europe and argues that alterations do not occur in the printed texts. The first published Malay edition was edited by Abdullah bin Abdul Kadir Munsyi in collaboration with the American missionary, Alfred North, in Singapore. The introduction to this first edition was an extract from texts in Sejarah Melayu and concurrently produced as a text book. This article is aimed at discussing the impact of Abdullah's works in the Malay world and the 'fate' of the text books whilst reviewing the editing processes conducted by colonial administrators.

Keywords: Sejarah Melayu, Abdullah Munsyi, editing process, colonial administrator

Sjahan, sebab segala pergaduhan jang tersebut inilah asalnja datang daripada sebab orang Melaju itu tiada memakai ilmu tjap adanja. Maka djikalau kiranja orang jang mengarang kitab Sedjarah Melaju ini pada asalnja ditjapkannja akan kitab itu, nistjaja seorang djuapun tiada boléh menaruh sjak atau waswas lagi dari hal betul dan salahnja kitab itu pada zaman ini adanja.

(Sejarah Melayu, 1952:xxviii)

PENDAHULUAN

Petikan yang dijadikan sebagai asas penulisan makalah ini dipetik daripada pendahuluan *Sejarah Melayu* atau *Sulalat al-Salatin* yang berkemungkinan besar disunting dan disiapkan untuk dicetak oleh Abdullah Munsyi dengan kerjasama dua orang mubaligh Kristian, iaitu Alfred North dan Benjamin Keasberry pada tahun 1842. Dalam pendahuluan yang sangat menarik ini, penyunting menjelaskan betapa penting dan bermanfaatnya karya yang dicetak, dan mengapakah *Sejarah Melayu* yang menjadi pilihan untuk dijadikan teks Melayu asli pertama yang dicetak? Walhal, seperti yang disebut dalam pendahuluan, “isinja kitab itu sia2 dan bohong” (*Sejarah Melayu*, 1952:xxix). Menurut penyunting, yang berguna dalam *Sejarah Melayu* dan menjadi asas karya tersebut dicetak ialah bahasanya, kerana munculnya hujah kolonial yang terkenal mengenai bangsa Melayu, iaitu “kurang mempedulikan bahasanya sendiri” atau sudah “membuangkan bahasanja sendiri”.

Guna dan faedah percetakan dinyatakan dengan lebih terperinci dalam pendahuluan *Sejarah Melayu* dan akan dibahas dalam makalah ini. Pertama, saya ingin membicarakan kesimpulan atau pertimbangan yang dianggap terpenting, iaitu penyunting memainkan peranan terpenting dalam percetakan naskhah ini kerana tiada kesalahan dan perubahan yang berlaku dalam proses penyalinan teks dalam edisi ini.

Seperti terbayang dalam petikan tersebut, Abdullah Munsyi *et al.* menyerap mentah-mentah gagasan filologi Barat bahawa untuk menyelenggarakan sesuatu teks, naskhah yang paling asli harus dicari kerana setiap kali sebuah naskhah disalin muncullah kesalahan dan kesilapan. Para peneliti teks (dahulunya Barat, sekarang semuanya) beranggapan bahawa dalam proses penyalinan sesuatu teks secara menulis kembali atau secara manual, kesalahan pasti akan muncul. Maka digunakan istilah seperti “korupsi”, “kontaminasi”, “interpolasi” dan lain-lain terhadap perbezaan yang ditemui, jika teks dibandingkan dengan naskhah yang lebih tua; seolah-olah teksnya itu memang dijangkiti penyakit! Menurut Voorhoeve (1964), timbul anggapan bahawa para penyalin bukannya ingin menyalin teksnya yang asli tetapi yang diinginkan oleh khalayak ialah naskhah yang sesuai pada zamannya. Maka, berkembang daripada situ, konsep yang disebut sebagai “myth of the creative copyist” ialah bukannya si penyalin membuat “kesalahan” tanpa disedari tetapi sebenarnya memang disengajakan supaya naskhah tersebut tidak ketinggalan zaman.

Kembali kepada anggapan Abdullah *et al.* yang menyamakan penyalin dengan penyebar penyakit tadi; pertelingkahan yang disebutkan oleh Abdullah Munsyi dalam pendahuluan *Sejarah Melayu* adalah kerana setiap orang yang memiliki naskhah *Sejarah Melayu* menganggap naskhahnyalah yang paling benar dan asli. Hal ini dapat dielakkan, jika tradisi mencetak karangan telah lama wujud dalam kebudayaan Melayu. Anggapan “print literacy” sudah tidak dianggap aneh kerana sudah terbiasa sehingga kita tidak lagi bertanya adakah benar ataupun tidak? Apakah ini memang asas perbezaan antara tradisi naskhah dengan tradisi percetakan? Jika ditelusuri pelbagai edisi *Sejarah Melayu*, maka anggapan yang disuarakan penyunting edisi cetakan terawal dalam pendahuluannya adalah khilaf, bahkan jika ditegaskan lagi sedikit pun tidak ada asas kebenarannya!

PERKEMBANGAN PERCETAKAN *SEJARAH MELAYU*

Umum mengetahui, teks *Sejarah Melayu* atau *Sulalat al-Salatin* yang pertama dicetak dalam bahasa Inggeris. Naskhah tersebut diterjemahkan oleh Dr. Leyden pada tahun 1821 dengan pendahuluan yang ditulis oleh Raffles. Leyden menterjemahkan judul atau cerita yang menjadi rujukan raja-raja Melayu ini ke dalam bahasa Inggeris dengan judul *Malay Annals* tetapi masih mengekalkan judul *Sejarah Melayu* dalam teksnya. Oleh sebab itu, judul *Sejarah Melayu* itu masih digunakan bagi merujuk teks sejarah yang berkaitan dengan Melaka (Matheson Hooker dan Hooker, 2001:35-6). *Sejarah Melayu* merupakan edisi cetakan berbahasa Melayu hasil penyuntingan Abdullah Munsyi bersama-sama dengan mubaligh Kristian. Namun, naskhah itu tidak dapat

ditentukan tahun terbitannya. Ramai pengkaji mendakwa naskhah tersebut terbit pada awal tahun 1830-an atau 1831¹. Namun, penulis lebih cenderung kepada pandangan Ian Proudfoot yang menyatakan tahun 1842 sebagai tahun terbitannya. Edisi cetakan ini menjadi salah satu sumber yang diolah oleh Shellabear untuk edisi buku teks sekolah yang diterbitkan pertama kali pada tahun 1896 dalam tulisan Jawi, dan pada tahun 1898 dalam tulisan Rumi. Namun, seperti yang dikatakan oleh Shellabear dalam pendahuluan edisi 1896, sebelumnya ada edisi yang diterbitkan di Belanda pada tahun 1884 oleh seorang editor yang tidak disebut namanya. Menurut Shellabear edisi Belanda itu:

...is simply a reprint of the Singapore edition; but unfortunately the same spirit which led the anonymous editor to mutilate the preface has permitted him to tamper with the text, and he has omitted entire passages in several pages where Mohammed is described as the prophet of God, etc.

(Pendahuluan Edisi Jawi Shellabear (1896);
Sejarah Melayu, 1960:v)

Sebelum kutipan ini, Shellabear sudah menjelaskan bagaimanakah editor menggantikan judul pendahuluan yang asalnya berbunyi “Bahawa ini perkataan segala tuan-tuan dalam negeri Singapura yang hendak memasyhurkan bahasa Melayu” menjadi “ inilah perkataan Abdullah bin Abdulkadir Munsyi” (*Sejarah Melayu*, 1960:iv). Selain itu, dalam pendahuluan *Sejarah Melayu*, penyunting menghilangkan semua rujukan terhadap orang Inggeris dan Singapura. Hal ini bererti bahawa editor sepertinya berusaha “membelandakan” teks *Sejarah Melayu* atau membebaskannya daripada “noda” bangsa Inggeris serta negara Singapura. Walaupun nama editor tidak disebut dalam naskhah ini, rasanya tidak perlu disangsikan lagi bahawa pemurnian tersebut merupakan hasil “kerja” mubaligh serta penterjemah Injil Belanda yang bernama H. C. Klinkert (*Sejarah Melayu*, 1997:xix; Proudfoot, 1993).

Berdasarkan pengetahuan, Belanda terlibat dalam sejarah penerbitan *Sejarah Melayu* mulai tahun 1866 semasa Klinkert berada di Riau untuk mempelajari bahasa Melayu Riau-Johor sebagai persiapan tugas menterjemahkan Injil. Beliau memberitahu Pengurus Dewan Bataviaasch Genootschap (badan ilmu pengetahuan kolonial yang berpusat di Betawi) tentang kewujudan teks *Sejarah Melayu*:

... sewaktu Raffles, dan atas dorongannya, digunakan di sekolah di Singapura, dan dengan bantuan serta penerangan Abdullah Munsyi berdasarkan 12 naskhah disiapkan dan juga telah dicetak; namun sekarang hampir tak nampak lagi. Sampai-

sampai Dr. de Hollander belum pernah melihat salinannya dan di sini [Riau] baru setelah lama mencarinya dan mahal membelainya, saya berjaya membeli satu salinan.

(Klinkert kepada Bataviaasch Genootschap 22 Mei 1866,
Notulen Bataviaasch Genootschap [NBG], hlm. 177-8)

Klinkert mencadangkan agar *Sejarah Melayu* diterbitkan semula. Setelah Pengurus Dewan Bataviaasch Genootschap menunjukkan minat terhadap teks *Sejarah Melayu*, senaskhah buku dikirimkan kepada Klinkert di Betawi dan teks tersebut dibincangkan dalam satu mesyuarat dengan panjang lebar mengenai kualiti dan kandungannya. Buku-buku lain juga dikirimkan untuk diterbitkan sebagai buku teks sekolah. Buku-buku tersebut sepatutnya disebar di sekolah-sekolah di Hindia Belanda tetapi akhirnya gagal diterbitkan oleh pemerintah di Betawi.² Hanya setelah balik ke Belanda dan menjadi pensyarah di salah satu lembaga pendidikan di Leiden, rupanya Klinkert berjaya dalam rancangan awalnya menerbitkan semula *Sejarah Melayu* dengan beberapa perubahan yang dianggap perlu seperti yang dilakukannya terhadap beberapa teks lain yang pernah dikarang oleh Abdullah Munshi³.

Kira-kira 70 tahun setelah Klinkert menerbitkan semula *Sejarah Melayu* dalam tulisan Jawi, edisi Abdullah Munshi itu disunting semula oleh Profesor Teeuw dengan kerjasama T. D. Situmorang dan diubah seperlunya. Pembetulan terhadap edisi Abdullah Munshi itu terasa perlu kerana dianggap tidak sempurna, iaitu “tidak menjukupi sjarat-sjarat ilmu pengetahuan setinggi-tingginya” (*Sejarah Melayu*, 1952:xvi). Teks salah satu naskhah *Sejarah Melayu* yang diterbitkan oleh Abdullah Munshi dirumikan oleh Situmorang, disemak dan dilengkapi dengan catatan seperlunya oleh Teeuw. Naskhah itu menjadi salah satu sumber penting di Belanda bagi pengajaran bahasa dan sastera Melayu di Universiti Leiden. Edisi Abdullah Munshi ini juga tidak dirujuk sekali lagi kerana pada tahun 1979, A. Samad Ahmad juga memakai naskhah yang pernah digunakan Shellabear untuk edisi pelajarannya pada akhir abad ke-19. Beliau kemudian membandingkannya dengan dua naskhah tulisan tangan yang terdapat di Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Berdasarkan edisi ini, “kelainan” yang muncul dalam edisi-edisi lain akhirnya berjaya diselesaikan juga: Hang Jebatlah yang menjadi lawan Hang Tuah, bukannya Hang Kasturi seperti yang disebut dalam versi yang terbit sebelumnya (*Sejarah Melayu*, 1984:vii, xiv)! Ketua Pengarah DBP (Datuk Haji Hassan Ahmad) pada waktu itu pula yakin “ia lebih mendekati karya asal sekiranya dibandingkan dengan versi-versi yang sedia ada” (*Sejarah Melayu*, 1984:v). Dengan demikian, cetakan *Sejarah Melayu* yang diturunkan daripada penyuntingan Abdullah Munshi dan North menghasilkan

empat edisi yang saling berbeza: edisi Klinkert, 1884; Shellabear, 1896; Situmorang dan Teeuw, 1952; dan A. Samad Ahmad, 1979⁴. Pokok serta cabang dan ranting versi Abdullah Munsyi ini semuanya digunakan dalam salah satu sistem pendidikan, entah di Asia Tenggara ataupun Eropah. Berkemungkinan edisi Abdullah Munsyi memang tidak mencukupi syarat ilmu pengetahuan filologi seperti yang dinyatakan oleh Teeuw dalam pendahuluan edisinya. Namun, teksnya dianggap standard dan sudah menjadi langka pada tahun 1950-an. Anehnya, Teeuw juga tidak merujuk edisi Shellabear dan hanya menyebut edisi *Sejarah Melayu* yang diterbitkan oleh Winstedt beberapa tahun sebelum Perang Dunia Kedua dalam daftar rujukan, hanya sebagai “karangan [ini] penting sekali” tetapi bukan untuk digunakan sebagai edisi buku teks yang standard.

Pada tahun 1925, Blagden menerbitkan beberapa bahagian yang tidak diketahui daripada versi Abdullah–Shellabear dan 13 tahun kemudian Winstedt mengedit teks yang terkandung dalam naskhah tulisan tangan yang dikenali dengan kod MS Raffles 18. Jelasnya, penerbitan buku *Sejarah Melayu* menimbulkan pelbagai pendapat yang menentang kesahihan teks ini sebagai teks yang paling asli. Namun, pada umumnya, Winstedt dipuji dan versi ini lama-kelamaan mengambil alih takhta “versi standard” daripada versi Abdullah Munsyi. Oleh itu, pada waktu ini, versi Winstedt boleh dianggap “mencukupi syarat ilmu pengetahuan” dan menjadi rujukan para pengkaji yang meneliti sejarah dunia Melayu. Hal ini diperkukuh lagi setelah C. C. Brown menterjemahkan *Sejarah Melayu* sebagaimana disunting oleh Winstedt ke dalam bahasa Inggeris pada tahun 1950. Dengan demikian, versi Abdullah semakin pudar namanya dan terjemahan Leyden sudah tidak digunakan lagi. Terjemahan Brown membuka ruang kepada orang luar yang tidak boleh membaca bahasa Melayu dan hingga hari ini masih tetap digunakan sebagai rujukan oleh pakar sejarah asing mahupun Melayu.

Penelusuran cerita percetakan *Sejarah Melayu* masih belum selesai kerana belakangan ini terbit lagi dua versi baharu yang diturunkan daripada cabang MS Raffles 18, iaitu *Sejarah Melayu* (1998) dan versi yang disunting oleh Muhammad Haji Salleh (1997). *Sejarah Melayu* (1998) yang disebut “cetak ulang” (*reprint*) dan “edisi Rumi baru”⁵ daripada MS Raffles 18 seperti yang diturunkan oleh Winstedt dengan dibaiki beberapa bahagian teks yang kurang jelas dalam edisi 1938 serta ejaannya dikemas kini supaya “lebih berfaedah bagi para pelajar sekolah dan universiti di Malaysia” (*Sejarah Melayu*, 1998:vii). Maka dengan demikian, versi Winstedt juga disiapkan untuk para pelajar dan tidak lagi hanya dilihat sebagai versi yang ditujukan kepada para ilmuwan tetapi sudah boleh bersaing dengan edisi Shellabear untuk merebut “pasaran pelajar”. Edisi manakah nanti akan difatwakan sebagai edisi pelajar, masih tetapkah edisi Shellabear atau edisi A. Samad Ahmad

yang diterbitkan oleh DBP atau mungkinkah edisi Winstedt? Penerbit manakah yang akan menang tendernya, sama ada Fajar Bakti, DBP atau Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society (MBRAS)?⁶ Para pesaing buku juga tidak bimbang dengan edisi yang diusahakan oleh Muhammad Haji Salleh kerana edisi ini terbit dalam siri “Karya Agung”, sebuah siri yang terdiri daripada edisi mewah, iaitu karya dari zaman kolonial yang dianggap “klasik”. Edisi Muhammad pula lain tujuannya. MS Raffles 18 belum pernah disunting dan dibukukan oleh pengkaji Melayu. Oleh sebab itu, beliau sebagai seorang Sasterawan Negara diminta menyunting buku tersebut. Walau bagaimanapun, DBP mengulang cetak edisi Muhammad pada tahun 2009 tetapi dalam bentuk bukan buku mewah, iaitu dengan kulit lembut, mungkin dengan tujuan untuk bersaing dengan dua edisi lain, iaitu yang disunting oleh A. Samad Ahmad dan edisi MS Raffles 18 yang disiapkan oleh Muhammad.

Selain persaingan dalam pasaran karya klasik di Malaysia dalam dua dekad terakhir ini, menarik juga diperhatikan bahawa kedua-dua versi yang disunting oleh A. Samad Ahmad dan Muhammad Haji Salleh ini telah menghilangkan tajuk yang ditambah oleh Leyden dalam terjemahannya. Kedua-dua penyunting memilih kembali kepada tajuk “asalnya”, iaitu “*Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu, 1984)* atau *Sulalat al-Salatin (Sejarah Melayu, 1997)*. Tindakan ini dilakukan untuk menyucikan teks tersebut daripada campur tangan kolonial. Walau bagaimanapun, oleh sebab judul “kolonialnya” begitu terkenal, judul tersebut tetap digunakan selepas tajuknya yang asal.

Penelusuran ala filologi terhadap *Sejarah Melayu* dapat dipanjangkan lagi menerusi perbandingan terperinci antara versi yang disenaraikan dengan latar belakangnya, malah boleh dijadikan kertas kerja untuk seminar atau makalah dalam sebuah buku! Namun, pemaparan ini menarik kerana hujah Abdullah Munsyi yang disebut dalam pendahuluan *Sejarah Melayu* bahawa teks dalam bentuk cetakan tidak akan berubah. Sememangnya teks tidak akan berubah dengan sendirinya dan hasil cetakan akan sama dengan naskhah yang disiapkan untuk dicetak. Namun begitu, naskhah antara satu edisi dengan satu edisi lain boleh sahaja berbeza, walaupun judulnya tetap sama. Perkembangan edisi *Sejarah Melayu* menjadi kes yang menarik untuk ditelusuri, lebih-lebih lagi jika dapat menganalisis perubahan dan punca perubahan edisi tersebut. Muhammad merupakan salah seorang pengkaji Malaysia yang terlibat secara langsung dalam sejarah penyuntingan *Sulalat al-Salatin*. Oleh sebab itu, beliau lebih tahu kedudukan persaingan teks klasik itu. Juga menarik untuk diperhatikan bahawa asas “filologi lama” dapat juga diterapkan dalam buku cetakan dan tidak hanya terbatas pada naskhah tulisan tangan sahaja. Oleh itu, munculnya suatu “filologi cetakan” yang diilhamkan oleh teori serta kajian yang dikembangkan oleh Gérard Genette terhadap teks (Putten, 2011).

PERCETAKAN DALAM BUKU TEKS

Walaupun makalah ini bukan bertujuan untuk menelusuri perkembangan edisi *Sejarah Melayu* dengan lebih terperinci, teks tersebut boleh diambil sebagai contoh sebagaimana edisi yang diubah suai dan tarikh penerbitannya, ataupun melihat bagaimanakah perkembangan sesebuah edisi dapat menunjukkan pemikiran pada zamannya. Muncullah berbagai-bagai pertanyaan seperti mengapakah Klinkert membuat penyesuaian teksnya dengan menghapuskan rujukan Inggeris dan Singapura, seperti yang dilakukannya pada teks-teks lain yang disunting. Misalnya *Kisah Pelayaran Abdullah ke Kelantan* (Sweeney, 2005:44-45). Mengapakah diterbitkan begitu banyak edisi *Sejarah Melayu* belakangan ini? Mengapakah Abdullah dan North memilih petikan yang diambil daripada buku teks sekolah sebagai pendahuluan edisi mereka, atau sebaliknya, memilih bahagian pendahuluan *Sejarah Melayu* untuk dijadikan salah satu pelajaran dalam buku teks. Jelasnya, soalan yang diajukan ini serupa dengan persoalan yang muncul dalam kajian filologi yang bertujuan untuk mencari penyebab berlakunya perubahan dalam versi teks tulisan tangan. Perbezaannya, filologi cetakan tidak bertujuan untuk merekonstruksikan teks asalnya seperti yang dilakukan dalam filologi “klasik”⁷.

Seterusnya makalah akan membincangkan kumpulan teks yang digunakan di sekolah yang dihasilkan oleh Abdullah Munshi dengan kerjasama para mubaligh di Singapura. Kumpulan teks ini antara lain mengandungi pelajaran betapa pentingnya percetakan demi kemajuan bangsa Melayu yang menjadi bahagian utama dalam pendahuluan *Sejarah Melayu* edisi Abdullah Munshi. Dalam hikayatnya, Abdullah Munshi memberikan senarai nama mubaligh yang diajar berbahasa Melayu dan menceritakan kerja yang pernah dilakukannya untuk mereka:

Adapun Tuan North itu dikehendaknya perkara jalan bahasa Melayu dan bunyi bahasa Melayu dan umpamaan dan ‘ibarat dan mithal dan kias yang dipakai oleh orang Melayu dan lagi dihimpunkannya segala kitab2 dan hikayat dan sya’ir dan pantun2 Melayu. Maka dari sebab segala perkara2 yang tersebut inilah pada sangkaku dan yang kudapati fahamnya itu tajam, dan lagi banyaklah karangannya, yang kusalinkan dalam bahasa Melayu daripada ‘ilmu2 orang Eropa dan ceretera dari hal kepandaian dan usaha dan rajin orang2 Eropa dan perihal tabi‘at ‘alam ini dan perihal udara dan perihal bagaimana asalnya telah mendapat ‘ilmu kapal asap dan kereta asap dan membuat gas dan bagaimana menjalankan air dalam negeri Amerikan dan peri guna asap dan peri orang menangkap ikan paus dan lagi ceretera berbagai2 ‘ilmu dan kepandaian orang Eropa dan menunjukkan beberapa jalan, supaya orang Melayu boleh mendapat dan membuat akan segala perkara itu.

(Sweeney, 2008:521)

Teks yang disebut oleh Abdullah Munsyi ini disiapkan berdasarkan kerjasamanya dengan mubaligh Alfred North dan dikumpulkan, disunting kembali serta diterbitkan dalam pelbagai buku teks dan majalah oleh Keasberry mulai tahun 1840-an. Salah satu buku teks yang paling lengkap diterbitkan Keasberry pada tahun 1855 dengan judul *Kitab yang menyatakan darihal jenis-jenis ilmu kepandaian orang Eropah: Ceretera Ilmu Kepandaian Orang Putih*. Pelajaran dalam buku teks ini menunjukkan penekanan pada kemajuan diri (*self-improvement*), pendidikan untuk orang miskin, dan penentangan rakyat terhadap raja yang berasal daripada mubaligh dan keadaannya di Inggeris pada peralihan abad ke-18 hingga abad ke-19 (Putten, 2006). Penekanan ini terdapat pada banyak tempat dalam korpus teks pendidikan *Ceretera Ilmu Kepandaian* dan juga sering ditemui dalam karya Abdullah Munsyi yang lain, seperti *Hikayat* dan *Kisah Pelayaran Abdullah*. Namun, menariknya suara Abdullah Munsyi yang dipengaruhi mubaligh Protestan mempengaruhi orang Melayu lain. Dipercayai tidak ada murid yang mengambil alih tulisan Abdullah dan meneruskan karyanya setelah beliau meninggal dunia di tanah suci Makkah pada tahun 1854. Kononnya, hampir tidak ada tokoh yang lahir selepas ketiadaan Abdullah Munsyi dan kelahiran Syed Sheikh al-Hadi yang menerbitkan “hikayat barunya” pada pertengahan tahun 1920-an dianggap sebagai pelopor sastera Melayu moden di Tanah Melayu.

Menurut Ian Proudfoot, baik *Hikayat* mahupun *Kisah Pelayaran Abdullah* diterbitkan bersama-sama dengan *Hikayat Hang Tuah* dan *Sejarah Melayu* edisi Shellabear dalam Malay Literature Series, dan disebarikan ke sekolah Melayu mulai awal abad ke-20. Wilkinson yang pada masa itu dilantik sebagai Nazir Sekolah di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, berperanan menyediakan bahan bacaan untuk orang Melayu supaya tidak lupa akan tradisi sastera klasiknya dan dapat membantu orang Melayu memasuki zaman moden. Kedua-dua kelompok teks tersebut disesuaikan dalam satu siri, iaitu kelompok “klasik” yang menekankan tradisi kerajaan dan kesetiaan pada raja, manakala kelompok “Abdullah” menentang tradisi kerajaan dan menyokong kritikan Abdullah Munsyi terhadap tradisi raja yang menginjak rakyatnya (Proudfoot, 1993:16). Meskipun penggunaan keempat-empat naskhah tersebut agak terbatas jangkauannya, namun tidak dapat dinafikan bahawa keempat-empat teks tersebut digunakan di sekolah selama puluhan tahun dan menjadi salah satu kanun sastera Melayu, khususnya di Malaysia dan Singapura. Sejauh manakah kritikan tersebut diterima oleh para pengarang dan cendekiawan Islam yang reformis yang berkarya pada awal abad ke-20? Apakah kritikan yang disuarakan oleh orang yang menerbitkan *Al-Imam*, misalnya terpengaruh dan mungkin secara langsung mengambil gagasan atau pemikiran daripada karya Abdullah? Sejauh manakah Syed Sheikh al-Hadi yang juga ikut dalam sidang redaksi *Al-Imam* itu terpengaruh dengan

karya Abdullah Munsyi dan para mubaligh Protestan Inggeris pada abad sebelumnya? Masalah ini memerlukan penelitian yang jauh lebih mendalam. Namun, sebagai bahan bandingan terhadap kritikan Abdullah Munsyi terhadap raja-raja Melayu yang terkenal, dipetik sebahagian daripada pendahuluan *Al-Ikhwan*, sebuah majalah yang diterbitkan oleh Syed Sheikh al-Hadi mulai tahun 1926. Al-Hadi menyeru agar bangsa Melayu bangun daripada tidur dan mimpi indah, dan janganlah sampai terbuai kerana suburnya tanah Melayu sebab “sakalian-nya itu telah di-punyai oleh bangsa yang lain daripada bangsa kamu”. Menurut beliau lagi:

Jangan-lah tertipu daya kamu dengan angkatan dan pangkat kebesaran gelaran pembesar2 kamu kerana mereka itu-lah asal segala bala' yang telah menimpa ka-atas kamu ini dan mereka itu-lah sa-hingga masa ini sa-besar2 penolong segala bangsa2 yang telah menindeh dan hendak menindeh akan kamu.

(*Al-Ikhwan*, 19 September 1926 dlm. Edrus, 1960:418)

Kritikan tersebut lebih keras dan pedas jika dibandingkan dengan kecaman Abdullah Munsyi. Syed Sheikh al-Hadi juga jelas menentang pemerintahan kolonial dan menyeru orang Melayu agar dapat bebas daripada belenggu penjajah. Namun, dalam kajian Milner (1995:137-92), dan akibat terpengaruh dengan pemikiran reformis Islam dari Timur Tengah, khususnya Mesir, jelasnya tulisan seperti ini memberikan suatu tanggapan terhadap karya Abdullah Munsyi. Bagaimanakah nasib teks yang disalinkan oleh Abdullah Munsyi daripada bahasa Inggeris dengan kerjasama Alfred North dan diedarkan dalam sistem pendidikan Inggeris?

Isi kandungan kumpulan karangan teks sekolah yang disusun oleh Abdullah Munsyi dengan bekerjasama mubaligh Kristian, Alfred North dan Benjamin Keasberry dibahagikan kepada dua kumpulan karangan yang pernah diterbitkan mulai tahun 1840-an. Pertama, mengandungi keterangan tentang teknologi baharu seperti sistem cahaya gas di Eropah; penyaluran air minum di Philadelphia; kepentingan serta kegunaan atlas dan pelajaran ilmu bumi, kapal dan kereta wap, perpustakaan dan akhbar; penyusunan surat berbahasa Melayu dan percetakan; serta beberapa topik lagi seperti *Ceretera Ilmu Kepandaian* (1855). Kedua, memaparkan keterangan tentang geografi dunia, iaitu pelajaran tentang benua Eropah, Afrika, Asia, dan Australia (*Hikayat Dunia*, 1856)⁸. Buku teks dengan pelajaran teknologi, khususnya menarik perhatian pemerintah kolonial Belanda yang sedang giat mencari-cari bahan untuk digunakan di sekolah di Hindia Belanda. Oleh itu, seorang pentadbir pendidikan telah menangani penyuntingan buku teks tersebut dan menerbitkannya dengan judul *Djinis-djinis 'Elmoe kepandajan orang 'Airopa*

(1864). Versi Hindia Belanda ini disesuaikan dengan keadaan dalam jajahan dan kebijaksanaan pemerintah kolonialnya, sehingga “dibersihkan” daripada kritikan para haji yang congkak serta raja-raja yang bebal kerana jelas gagasan dan maksud para mubaligh yang antikerajaan dan anti-Islam tidak sesuai dengan tujuan sistem pendidikan di Hindia Belanda. Sebagai contoh, bahagian terakhir dalam bab tentang percetakan dihilangkan daripada versi yang terbit di Betawi. Berdasarkan kutipan daripada edisi Singapura (1855) dijelaskan penyebabnya:

Bermula kitab ini [buku cetakan:JvdP] sampai kiranya ke tangan raja2 Melayu atau saudagarnya bahawa janganlah engkau pikir akan pekerjaan ini tiada boleh engkau turut sebab susahnyanya karena pikiran orang Eropah pun dahulu demikian juga, maka sebab rajinnya dan usahanya sekarang telah menjadi senang kepadanya. Maka mudah-mudahan engkau pun berpikirlah dengan rajin dan usaha niscaya boleh menjadi senang demikian itu juga adanya. Maka jikalau engkau hendak membeli akan apitan besi yang kuat lagi bagus yang boleh dipakai lama2 boleh dapat dengan dua tiga ratus ringgit juga dan membeli huruf timah bahasa Melayu yang cukup akan pekerjaan itu tiga empat ratus ringgit lagi. Dan lagi selengkap perkakasan dengan seratus dua ratus ringgit lagi. Maka segala perkara ini boleh jadi dalam seribu ringgit atau kurang. Maka jikalau engkau menyuruhkan empat lima orang budak2 pergi belajar akan pekerjaan itu dalam dua tiga tahun lamanya dan menyuruhkan pula empat lima orang budak2 belajar bahasa2 Eropah sedikit tahun lamanya sampai ia boleh menyalin beberapa kitab ilmu yang mulia2 ke dalam bahasa Melayu, niscaya pada masa itulah kelak bangsa Melayu ini terbilang kepada bangsa lain2. Sebermula jikalau orang tua2 yang bebal dan guru2 yang mengaku dirinya pandai dan haji2 yang congkak2 menegahkan engkau dan mengumpat engkau sebab pekerjaan itu maka pergilah juga engkau membuat akan perkara2 yang mulia ini sampai engkau menjadi manusia adanya.

(*Ceretera Ilmu Kepandaian*, 1855:74-76)

Dapat dilihat daripada petikan tersebut betapa keras dengan nada berapi-api para mubaligh menyeru agar muridnya meninggalkan tradisi lama dan menentang pihak yang berwibawa seperti orang tua, guru, raja dan haji. Jelas pemerintah kolonial Belanda tidak setuju dengan nada tulisan ini dan membuang bahagian ini daripada edisinya. Lain halnya dengan pemerintah kolonial Inggeris yang memutuskan untuk menggunakannya dalam pendidikan awam orang pribumi di Negeri-Negeri Selat pada tahun 1880-an. Walaupun terdapat beberapa rujukan yang keras dibuang, kebanyakan kritikan terhadap para raja dikekalkan. Misalnya, daripada petikan tersebut, “haji2” digantikan dengan “orang2”, dan kalimat terakhir diubah menjadi:

“... yang mulia ini kerana iaitu akan mendatangkan faedah bagi barang siapa2 yang membuatnya itu adanya” (*Jalan Kepandaian*, 1885). Apakah ini bererti bahawa pemerintah kolonial Inggeris mengajar bangsa Melayu agar menentang raja dan tradisi kerajaannya yang dianggap kolot? Yang jelasnya, “sekolah raja” di Kuala Kangsar masih agak jauh, baru dibuka pada tahun 1906, dan Winstedt belum lagi tiba mengubah peranan orang Melayu sebagai petani.

Edisi yang terbit pada tahun 1885 bertajuk *Jalan Kepandaian* dikemas kini dengan perkembangan baharu yang diadakan dalam daerah jajahan, misalnya sistem penyaluran air minuman di Philadelphia sejak tahun 1863 juga diadakan di Singapura, dan tahun 1866 di Pulau Pinang. Begitu juga dengan kilang gas yang menerangi jalan dan rumah besar di Singapura yang dibina di Rocoh (kawasan bandar dekat Kampung Gelam) mulai pada 24 Mei 1864. Bahagian terakhir edisi baharu ini mengandungi beberapa bab tambahan yang menjelaskan penemuan baharu yang sudah diadakan di Tanah Melayu pada masa itu, seperti muzium, telegraf, telefon dan pertolongan cemas. Jelasnya, berdasarkan penemuan baharu itu dan juga petikan daripada edisi 1855, sistem penjajahan orang putih terhadap pribumi adalah berdasarkan kemajuan teknologi yang berkembang di Eropah dan Amerika Syarikat. Murid-murid diseru agar meninggalkan tradisi lama yang dungu dan bodoh, dan pelajar diajar menjadi manusia adanya! Maksudnya jelas, iaitu menjadi manusia sesuai dengan zamannya, yakni hamba pemerintah Inggeris yang tidak tertanding dalam hal teknologi dan “perkara2 yang mulia” yang terdapat dalam “kitab ilmu yang mulia” yang berbahasa Inggeris! Yang ditanamkan ke dalam benak orang Melayu ialah rasa takjub terhadap teknologi maju yang diberikan sedikit-sedikit oleh para “penyelamat” yang datang dari Barat. Lantas disebabkan orang putih yang mengembangkannya dan terus-menerus mengadakan penemuan yang baharu, maka orang Melayu boleh “berlari” tetapi tidak pernah dapat “mengejar” kehebatan orang putih. Melalui buku teks yang diusahakan oleh Abdullah Munsyi atas dasar kemasukan dan contoh mubaligh dari negara Inggeris dan Amerika Syarikat, ketinggalan orang Melayu ditunjukkan kepada orang Melayu. Seperti yang ditekankan dalam buku teks, bukan hanya dalam hal teknologi orang Melayu terkebelakang, mereka juga mempelajari betapa jauh lebih berharga, nyata dan benar perkataan yang dicetak dibandingkan dengan tulisan tangan, apalagi yang dituturkan!

Syahdan adapun isi kitab2 itu [yang disimpan di perpustakaan di Amerika:JvdP] bukannya seperti isi kitab karangan Melayu seperti jin dan hantu gergasi raksasa dan penanggalan dan pontianak polong pelesit dan membunuh orang dengan perang yang tiada patut dan selalu penuh dengan ratna mutu manikam dan kursi dan pakaian yang keemasan belaka yang tiada boleh masuk perak dan segala perkara

yang tiada diadakannya dan segala perkara yang sia2 dan bohong adanya. Bermula adapun isi kitab2 orang putih bukannya demikian maka yang penuh dalamnya segala perkara yang betul melainkan sedikit juga perkara yang tiada betul seperti kisah pelayaran dan perjalanan...

(*Ceretera Ilmu Kepandaian*, 1855:30-31)⁹

Ian Proudfoot (2002:117) menyatakan bahawa *Sejarah Melayu* merupakan teks asli Melayu pertama yang dicetak dan disebar di sekolah-sekolah di Tanah Melayu, dalam pendahuluannya perlu dijelaskan pelbagai manfaat serta kegunaan buku tersebut agar dapat memberikan kefahaman tentang pentingnya naskhah tersebut dicetak kerana sebelum ini orang Melayu hanya mengenal teks dalam bentuk naskhah tulisan tangan, dan tempat penyampaiannya (*performance arena*) juga berbeza. Sebelumnya, *Sejarah Melayu* merupakan sebuah teks agung yang dibaca di dalam istana pada waktu tertentu dan untuk khalayak yang terbatas. Pengedaran *Sejarah Melayu* melalui edisi cetakan buku secara tidak langsung merombak nilai dan citra teks itu. Teknologi baharu dan percetakan memberikan dampak yang besar kepada masyarakat Melayu: “*The privatization of reading extinguished a range of real human interactions, and substituted imagined relationships for them. The new was privileged over the established. This was liberating and alienating, and disorienting*” (Proudfoot, 2002:136).

Oleh sebab itu, pada tahun 1920-an, Syed Sheikh al-Hadi begitu keras menyeru saudara Muslimnya agar bangkit dan mencabar belunggu kolonial dan membuang rasa takjub terhadap hal dari Barat, khususnya teknologi dalam bentuk telefon, mesin taip, kapal terbang, kapal selam, dan sebagainya:

Ini-lah segala barang2 yang beku dan keras yang tiada tahu dan tiada kamu sangka boleh berkata2 telah pandai sangat ia berkata2 dengan tiada berlidah dan bermulut dan pandai pula menyurat dengan tiada berqalam dan hujung jari. Segala kenderaan telah dapat melanda bukit dan belantara dengan kemajuan yang di-luar daripada kira2 dan dapat terbang melanda angin menyamai segala binatang yang bersayap. Bermula sakalian bangsa yang jaga telah dapat mereka memileki akan rahasia kekuatan tabi’at yang samula jadi hingga dapat mereka itu memperlagakan api dengan ayer, maka di-gunakan-nya akan wap-nya dan di-padu2kan-nya tabi’at kejadian Tuhan-nya itu maka terbit-lah daripada-nya elektrik dan api yang bernyala. Dirempoh-nya akan bukit — maka rata-lah ia. Di-harong-nya akan lautan — maka di-bangunkan-nya akan mahligai. Di-ketahui-nya perhinggaan hawa — maka dapat-lah ia-nya menyamai segala ikan menjalani perut lautan yang besar. Memada-lah — memada-lah. Bangun-lah segera daripada tidor kamu wahai sekalian ikhwan.

Sanya telah kelam-lah tipu daya kebodohan dan terbit cahaya pengetahuan. Tengok, lihat, dan perhatikan-lah apa-kah yang telah di-perbuat oleh kamu bangsa yang jaga itu. Meruntuhkan bukit yang besar2, membangunkan bangunan di-padang yang rata, menjadikan lautan itu daratan dan daratan itu lautan. Pada hal tidak bergerak ia-nya dari atas kerusi-nya dengan menggoyangkan kaki. Hanya-lah yang di-gunakan-nya jari hujong telunjuk jari-nya pada menyampurnakan segala kehendak kemudian daripada telah berpengetahuan ia-nya pada menggunakan tabi'at barang2 yang di-jadikan oleh Tuhan-nya bagi faedah2 manusia di-dalam 'alam ini.

Jangan-lah terkejut wahai sekalian ikhwan pada permulaan memandang segala perkara ini kerana memang masa ini masa pengetahuan dan masa bekerja. Maka di-mana2 bangsa yang berpengetahuan serta bekerja ia-nya neschaya menjadi penghulu-lah ia-nya. Dan mana2 kaum yang bodoh dan pemalas neschaya fana-lah ia-nya.

(Edrus, 1960:414-15)

Walaupun pengecaman dan seruan Syed Sheikh al-Hadi dalam petikan tersebut sangat keras, beliau juga menyedari bahawa seruan itu terkandung dalam majalah yang dicetak pada alat percetakan yang dihasilkan di Barat, yang juga mempunyai potensi untuk meraih lebih ramai ikhwan untuk menjadi ummah di negeri di bawah angin. Al-Hadi sangat giat dalam dunia kepengarangan dan percetakan, serta mengusahakan percetakan akhbar, majalah dan buku pada tahun 1920-an hingga 1930-an di Pulau Pinang. Sebelum ini, beliau pernah menjadi anggota majlis pengasas majalah *Al-Imam* di Singapura pada awal abad ke-20. Teknologi percetakan yang dibawa oleh mubaligh dari Eropah dan Amerika Syarikat telah melatih orang Melayu agar dapat meneruskan kegiatan percetakan. Abdullah Munsyi adalah antara orang Melayu yang mahir menggunakan alat percetakan. Beliau melatih dan mewariskan kemahirannya kepada orang lain sehingga terhasilnya naskhah al-Quran yang dicetak di Palembang pada tahun 1848 (Peeters, 1996:182-83). Kegiatan mubaligh dalam percetakan juga telah melatih lebih ramai tenaga mahir, seperti yang berasal daripada golongan yang sama dengan Abdullah Munsyi, iaitu Jawi Peranakan, yang sangat berpengaruh dalam perkembangan industri percetakan Islam pada akhir abad ke-19. Malahan, teks *Sejarah Melayu* yang disebarikan melalui buku teks sekolah sampai kepada pengarang Riau, iaitu Raja Ali Haji. Hal ini memberikan ilham kepada beliau untuk mendesak pemerintah kolonial Belanda menyediakan satu alat percetakan supaya dapat berkarya dengan lebih mudah. Pihak Belanda menganggarkan RM1000 untuk membeli alat percetakan itu (Putten, 2001).

PENUTUP

Bahagian pendahuluan yang ditulis Abdullah (dan North) untuk edisi *Sejarah Melayu* merupakan teks Melayu asli pertama yang dicetak di Semenanjung, yang menyebut “Bahwa ini perkataan segala tuan-tuan dalam negeri Singapura jang hendak memasjurkan bahasa Melaju”. Tajuk ini membayangkan bahawa karya ini dicetak kerana kualiti bahasanya yang patut diajarkan, seperti yang diujahkan dalam pendahuluan tersebut. Namun, dalam pendahuluan tersebut juga ditekankan kemajuan orang putih dalam teknologi dan juga bidang humaniora. Untuk “menjadi manusia” murid-murid Melayu perlu belajar dengan tekun dan gigih. Namun begitu, segiat atau serajin mana pun, orang Melayu tidak akan dapat menandingi orang putih kerana mereka sudah lama “meninggalkan adat lama yang serba dungu” yang pernah diikutinya.

Para mubaligh Protestan mewujudkan sekolahnya untuk mengajar kepandaian membaca kepada anak-anak Melayu dan Cina peranakan. Kepandaian itu akan membolehkan mereka bersedia menerima ajaran Protestan dan dapat menyelamatkan mereka daripada kemiskinan. Walau bagaimanapun, mereka tidak berjaya mempengaruhi kepercayaan terhadap agama orang Melayu. Hanya gagasan kekuasaan orang putih diperkukuh dan rasa terkebelakang orang Melayu lebih luas disebarkan melalui buku pelajaran dan buku dalam kurikulum sistem pendidikan di Hindia Belanda dan Negeri-Negeri Selat. Abdullah Munsyi ingin membuka tempurung yang diibaratkan sebagai langit bagi orang Melayu yang sempit pemikirannya dan menanamkan perasaan serba kekurangan (*inferior*), jika dibandingkan dengan bangsa-bangsa lain. Berdasarkan gagasan reformis dan umat Islam dari Timur Tengah, Syed Sheikh al-Hadi berusaha menghapuskan rasa takjub orang Melayu terhadap teknologi dan hal lain yang didatangkan dari Barat. Beliau menyeru agar bangsa Melayu bangkit dan bersatu sebagai sebuah bangsa yang beridentiti, meskipun jurang perbezaan antara etnik diwujudkan oleh pemerintah Inggeris melalui sistem pendidikan yang membahagikan kelompok etnik mengikut sekolah masing-masing. Tempurung atau pemikiran orang Melayu akhirnya terbuka juga dan Abdullah Munsyilah orang Melayu yang berperanan penting membangkitkan kesedaran. Beliau patut dihormati sebagai pengarang ulung yang berpengaruh yang menggerakkan pembaharuan tulisan, serta percetakan dan gagasan di alam Melayu. Walau bagaimanapun, kerjasama beliau dengan penyebar agama Kristian dan pegawai Inggeris telah menimbulkan persepsi buruk yang tidak boleh dilupakan oleh orang Melayu terhadap dirinya bagai “arang tercoreng di muka”. *Sejarah Melayu* merupakan satu-satunya teks sastera Melayu tradisional yang pernah disunting, dicetak dan diedarkan di sekolah-sekolah Melayu untuk mengingatkan orang Melayu

betapa indahny bahasa Melayu. Pendapat ini juga diakui oleh Muhammad Haji Salleh dalam pendahuluan *Sulalat al-Salatin* yang tertulis:

Mungkin dalam seluruh sastera Melayu *Sulalat al-Salatin*lah contoh terbaik bahasa klasik yang canggih luwes dan serba upaya.[...] Hanya bahasa yang besar dan peka terhadap sebanyak mungkin sudut kehidupan dapat menangkap pengalamannya. Bahasa Melayu *Sulalat al-Salatin* dengan cemerlang memperlihatkan kepada kita ruang dalaman dan luaran kehidupannya dan dengan itu keupayaannya dalam berbagai-bagai bidang, daripada puisi hinggalah kritikan terhadap raja yang zalim. Bahasa Melayu Melaka dan oleh itu bahasa Melayu *Sulalat al-Salatin* mempamerkan suatu khazanah peristilahan dan pemerian yang cukup lengkap, kerana Melaka juga merasakan dunia ini penting dan perlu difahami sekiranya negeri itu ingin terus menjadi pusat untuk seluruh Nusantara.

(*Sejarah Melayu*, 1997:xxxiv-xxxv)

NOTA

1. Dalam katalognya Ian Proudfoot tidak menjelaskan tahun terbitannya, dia hanya memberikan keterangan bahawa dalam salinan yang terdapat di Koninklijk Instituut voor Taal-, Land- en Volkenkunde (KITLV) atau Royal Netherlands Institute of Southeast Asian and Caribbean Studies, Belanda terdapat cap air yang menyebut tahun 1842 (Proudfoot, 1993:464). Dalam artikelnya tentang peralihan penyemakan teks daripada pendengaran kepada penglihatan, Ian Proudfoot menegaskan 1842 sebagai tahun waktu North “bersepakat” dengan Abdullah Munsyi untuk menerbitkan *Sejarah Melayu* (2002:117). Tahun 1831 yang sering disebut sebagai tahun penerbitannya kurang jelas sumbernya, tetapi seperti merujuk keterangan Thomsen yang dalam laporannya pada tahun 1829 menyatakan bahawa dia telah selesai menyelenggarakan dua teks untuk dijadikan buku teks sekolah, iaitu *Sejarah Melayu* dan *Pemanduk Jenaka* (Thomsen kepada London Missionary Society, 28 Oktober dan 14 November 1829 (Dicapai melalui LMS; lihat juga *Sejarah Melayu*, 1952:xvi; Milner, 1980:113; Matheson Hooker dan Hooker, 2001:35). Shellabear lebih berhati-hati dalam menyebut tahunnya dengan “beberapa tahun setelah Wasiat Baru yang diterbitkan 1831 berdasarkan huruf timah yang digunakannya” (*Sejarah Melayu*, 1960:iv). Abdullah sendiri dalam hikayatnya menunjukkan bahawa pencetakan *Sejarah Melayu* adalah salah satu kesibukan yang dilakukannya setelah dia kembali dari Kelantan (1838) dan sebelum isterinya meninggal dunia di Melaka (Mei 1840). Ironisnya, pekerjaan mencetak karya yang begitu dipuji-puji bahasanya serta ditekankan pentingnya dalam pendahuluan edisi cetak *Sejarah Melayu* dalam hikayatnya disebut sambil lalu sahaja (Abdullah, 1953:392).
2. Perbincangan serta pertelingkahan mengenai cetak ulang *Sejarah Melayu* oleh pemerintah Hindia Belanda muncul dalam mesyuarat Bataviaasch Genootschap beberapa kali dalam dekad 1860-an. Penerbit De Lange ingin menerbitkannya dengan harga yang boleh dibeli oleh orang di daerah jajahan, dan usul penerbit itu disokong oleh pegawai pemerintah pengkaji sastera Jawa

- serta kurator naskah Bataviaasch Genootschap, A. B. Cohen Stuart. Beberapa waktu selepas itu, penasihat pemerintah untuk urusan agama Islam, K. F. Holle tampil mengetengahkan masalah kandungan dalam *Sejarah Melayu* yang terlalu memajukan Islam dan kebanggaan orang Melayu terhadap raja-raja yang boleh menggugat kedudukan pemerintah kolonial (lihat catatan mesyuarat atau Notulen Bataviaasch Genootschap (1866-1869); untuk keterangan perbahasan polemik buku-buku sekolah, lihat Putten, 2000).
3. Lihat Sweeney (2005:44-7), Klinkert disebutnya sebagai “tukang sulap” terhadap bahasa Melayu yang digunakan oleh Abdullah.
 4. Penelusuran versi bercetak ini jelas tidak lengkap kerana tidak mengikutsertakan perbezaan huruf (Jawi-Rumi), perbezaan antara edisi yang diterbitkan kembali (edisi Shellabear yang sudah berapa puluh kali dicetak ulang), dan tidak menyertakan versi popular yang diturunkan secara tidak lengkap ke dalam buku teks sekolah, sastera cerita rakyat (folklor), komik dan sebagainya.
 5. Pencampuran kedua-dua istilah ini boleh mengerutkan kening beberapa pihak, antaranya para filologi pada masa akan datang. Buku ini hanya merupakan buku cetak ulang tetapi kandungannya menggunakan ejaan Rumi baru.
 6. Edisi Shellabear pertama diterbitkan oleh American Mission Press yang digantikan namanya menjadi Methodist Publishing House (MPH) pada tahun 1906 (Hunt, 1996:158). Singkatannya tetap tetapi setelah 1927 kepanjangannya diubah menjadi Malaya Publishing House. Pada tahun 1967, hak ciptanya diambil alih oleh Oxford University Press yang berganding dengan penerbit Fajar Bakti di Malaysia. Antara tahun 1967 dengan tahun 1991 (edisi mutakhir yang disemak) edisi ini telah 25 kali diulang cetak berbanding dengan edisi-edisi lain.
 7. Saya sedar bahawa ini bukannya sebuah teori baharu yang akan menggugat ilmu filologi dan ilmu filologi telah beranjak daripada asas merekonstruksikan teks yang sudah hilang ataupun hanya sampai batas membandingkan versi teks yang berbeza. Kita hanya dapat meneliti sebuah teks yang diturunkan daripada naskah tulisan tangan, jika edisinya berdasarkan prinsip filologi yang jelas! Untuk makalah yang membahaskan filologi Melayu dengan lebih mendalam dan piawai, lihat Proudfoot (2003).
 8. Kedua-dua kumpulan teks ini mudah-mudahan akan diterbitkan sebagai Jilid 4 dalam siri *Karya Lengkap Abdullah bin Abdul Kadir Munsyi* yang dimulakan oleh Amin Sweeney. Sandra Khor Manickam merancang menyelenggarakan teks *Hikayat Dunia*, manakala Putten akan menyunting *Ceretera Ilmu Kepandaian*.
 9. Kata-kata yang dicetak miring asalnya mempunyai garis di atas kata untuk penekanan.

RUJUKAN

- Abdullah bin Abdulkadir Munsyi, 1953, *Hikajat Abdullah diterbitkan lagi dengan anotasi oleh R.A. Datoek Besar dan Dr R. Roolvink*. Djakarta Amsterdam: Djambatan.
- Djinis-djinis ‘*Elmoe kepandajan orang ‘Airopa*, 1864. Batavia: Lndsdrukkerij.
- Edrus, A. H., 1960. *Persuratan Melayu 3. Di-asakan dari Kumpulan Renchana Pendita Dr. Haji Za’ba yang tersiar dalam Majallah Qalam dari tahun 1951 hingga tahun 1954, dengan di-sertai pandangan ulasan dan keterangan*. Singapore: Qalam.

- Hunt, Robert, 1996. *William Shellabear. A Biography*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Hunt, Robert, 1885. *Jalan kepandaian bagi kanak2 yang telah memulai belajar bahasa Melayu hingga boleh membaca menulis dan mengarang surat2 Melayu dengan sempurnanya 3*. Singapura: Ofis Cap Gabermen Johor.
- Keasberry, B. P. (ed.), 1855. *Ceretera Ilmu Kepandaian Orang Putih*. Singapore: Bukit Zion.
- Matheson Hooker, Virginia, dan M. B. Hooker, 2001. *John Leyden's Malay Annals*. MBRAS Reprint 20.
- Milner, A. C., "A Missionary Source for a Biography of Munshi Abdullah" dlm. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society (JMBRAS)* 53, hlm. 111-19, 1980.
- Milner, Anthony, 1995. *The Invention of Politics in Colonial Malaya. Contesting Nationalism and the Expansion of the Public Sphere*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Peeters, Jeroen. "Palembang Revisited: Further Notes on the Printing Establishment of Kemas Haji Muhammad Azhari, 1848" dlm. *IJAS Yearbook 1995*, hlm. 181-90, 1996.
- Proudfoot, I., 1993. *Early Malay Printed Books: A Provisional Account of Materials Printed in the Singapore-Malaysia Area Up to 1920, Noting Holdings in Major Public Collections*. [N.p.]: Academy of Malay Studies and the Library University of Malaya.
- Proudfoot, Ian, "From Recital to Sight-Reading: The Silencing of Texts in Malaysia" dlm. *Indonesia and the Malay World* 30:87, hlm. 117-44, 2002.
- Proudfoot, Ian, "An Expedition into the Politics of Malay Philology" dlm. *Journal of the Malaysian Branch, Royal Asiatic Society* 76, hlm. 1-76, 2003.
- Putten, Jan van der. "Als een hond bij de Turken? H.C. Klinkert en zuiver Maleisch" dlm. Willem van der Molen en Bernard Arps (ed.) *Woord en Schrift in de Oost. De betekenis van zending en missie voor de studie van taal en literatuur in Zuidoost-Azie*, Leiden: Opleiding TCZAO [Semaian 19], hlm. 106-31, 2000.
- Putten, Jan van der. "Daripada pekerjaan hendak mencetak. Raja Ali Haji dan percetakan litografi" dlm. Al-azhar dan Elmustian Rahman (ed.) *Kandil akal di pelantar budi. Esai dan renungan budaya persembahan kepada alm. Raja Hamzah Yunus*, Pekanbaru: Yayasan Kata, hlm. 133-61, 2001.
- Putten, Jan van der, 2006, "Abdullah Munsyi and the Missionaries" dlm. *Bijdragen tot de Taal-, Land- en Volkenkunde*.
- Putten, Jan van der, 2011, "In the Fringe of The Page: The Malay Tale of Hitu from its Margins" dlm. Titik Pujiastuti dan Tommy Christomy (ed.). *Teks, Naskah dan Kelisanan*. Festschrift untuk Prof. Achadiati Ikram. Depok: Yayasan Pernaskahan Nusantara, hlm. 399-416.
- Sejarah Melayu*, 1952. Sedjarah Melaju menurut terbitan Abdullah (ibn Abdulkadir Munsji). Diselenggarakan dan diberikan anotasi oleh T. D. Situmorang dan Prof. A. Teeuw dengan bantuan Amal Hamzah. Djakarta|Amsterdam: Djambatan.
- Sejarah Melayu*, 1960. *Sejarah Melayu (The Malay Annals)*. Jilid Pertama dan Kedua. Siri Kesusasteraan Melayu Bilangan 9. [Edisi Shellabear Cetakan Kesembilan] Singapura: Malaya Publishing House Limited.

- Sejarah Melayu*, 1984. *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)*. Diselenggarakan oleh A. Samad Ahmad. (Cetakan Pertama: 1979; Kedua: 1983; Ketiga: 1984. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sejarah Melayu*, 1997. *Sulalat al-Salatin ya'ni Perteturun Segala Raja-Raja (Sejarah Melayu)*. Karangan Tun Seri Lanang. Dikaji dan diperkenalkan oleh Muhammad Haji Salleh. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan dan Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sejarah Melayu*, 2009. *Sulalat al-Salatin ya'ni Perteturun Segala Raja-Raja (Sejarah Melayu)*. Karangan Tun Seri Lanang. Dikaji dan diperkenalkan oleh Muhammad Haji Salleh. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan dan Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sejarah Melayu*, 1998. *Sejarah Melayu. The Malay Annals*. MS Raffles No. 18. Edisi Rumi Baru. Disusun oleh Cheah Boon Kheng. Dirumikan oleh Abdulah Rahman Haji Ismail. Dengan esei pengenalan oleh Abdulah Rahman Haji Ismail, R. Roolvink, R.O. Winstedt. (Cetak Ulang No. 17). [N.p.]: The Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society.
- Sweeney, Amin, 2005. *Kisah Pelayaran Abdullah ke Kelantan*. Jilid 1. Jakarta: Kepustakaan Populer Gramedia, École française d'Extrême-Orient. Siri Karya Lengkap Abdullah bin Abdul Kadir Munsyi.
- Sweeney, Amin, 2005. *Kisah Pelayaran Abdullah ke Mekah*. Jilid 1. Jakarta: Kepustakaan Populer Gramedia, École française d'Extrême-Orient. Siri Karya Lengkap Abdullah bin Abdul Kadir Munsyi.
- Sweeney, Amin, 2008. *Hikayat Abdullah*. Jilid 3. Jakarta: Kepustakaan Populer Gramedia, École française d'Extrême-Orient; Perpustakaan Nasional RI. Siri Karya Lengkap Abdullah bin Abdul Kadir Munsyi.
- Voorhoeve, P., 1964, "A Malay Scriptorium" dlm. John Bastin dan R. Roolvink (ed.). *Malayan and Indonesian Studies. Essays Presented to Sir Richard Winstedt on His Eighty-Fifth Birthday*. Oxford: Clarendon Press, hlm. 256-66.